

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
ETR 300**

**S**

**LENS 100 ENTERPRISE**

**DISEDIAKAN UNTUK :  
EN. NORDIN ALI  
PANEL ETR**

**DISEDIAKAN OLEH :  
JULIANA BINTI JAMAL 95730508  
FAZLINA BINTI MD. ALYAS 95375911  
NOOR HANIZA BINTI HANAFI 95584158  
ROHAIEZAN BINTI ABD. MOIN 94960342**

**DIPLOMA PERAKAUNAN  
ITM CAWANGAN PERLIS**

**27 OGOS 1997**

# *KANDUNGAN*

	muka surat
SEKAPUR SIREH	1
SURAT PENYERAHAN PROJEK	2
PENGHARGAAN	4
SINOPSIS	5
SURAT PERMOHONAN PINJAMAN	6
1.0 PENGENALAN	8
2.0 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	10
3.0 LOGO	11
4.0 LATARBELAKANG SYARIKAT	12
5.0 LATARBELAKANG PEMILIK SYARIKAT	13
6.0 LATARBELAKANG PROJEK CADANGAN	25
7.0 RANCANGAN PENTADBIRAN	27
8.0 RANCANGAN PEMASARAN	42
9.0 RANCANGAN OPERASI	63
10.0 RANCANGAN KEWANGAN	82
KESIMPULAN	103
LAMPIRAN	104

## SINOPSIS

### Pengenalan

Nama syarikat kami ialah LENS 100 Enterprise. Ia adalah satu bentuk perniagaan perkongsian yang tertakluk di bawah Akta Perkongsian 1961 dan mula beroperasi pada

### Lokasi

Perniagaan ini akan dijalankan di sebuah tempat yang strategik iaitu di ;

PT 2458, Jalan Kampung Perak,  
02000 Kuala Perlis,  
Perlis.

### Jenis Perniagaan.

LENS 100 adalah sebuah perniagaan yang menjalankan perkhidmatan dan penjualan alatan fotografi.

### Modal.

LENS 100 memerlukan modal sebanyak RM 800,000 untuk memulakan perniagaan ini. Di mana sumbangan rakan kongsi adalah di perolehi sebanyak RM 250,000. Manakala pinjaman dari Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) pula sebanyak RM 550,000. Setiap rakan kongsi bersetuju untuk mengeluarkan sebanyak RM 50,000 setiap orang yang seramai 5 orang. Pihak bank telah menetapkan faedah sebanyak 9.4% dengan tempoh bayaran balik selama 5 tahun. Untuk tujuan cagaran, kami telah bersetuju untuk mencagarkan 4 ekar tanah dari geran berasingan.

### Pasaran

Secara amnya, LENS 100 menyediakan perkhidmatan fotografi di seluruh Malaysia. Tetapi tumpuan pasaran adalah di kawasan Perlis.

### Pesaing.

LENS 100 dijangka menghadapi persaingan dari kedai-kedai gambar yang lain. Seperti :

Disekitar Kuala Perlis, Perlis ;

1. Face It Photo House, No 10, Main Road, 02000 Kuala Perlis, Perlis.
2. Photo Ekspress, No 4, Jalan Panggung Wayang, 02000, Kuala Perlis, Perlis.
3. Sun Lee Kedai Gambar, No 5, Jalan Panggung Wayang, 02000, Kuala Perlis, Perlis.
4. Pasaraya Taman Kemajuan, PT 2454. Jalan Kampung Perak, 02000, Kuala Perlis, Perlis.
5. Beng Aeik Kedai Elektronik, No. 7, Main Road, 02000 Kuala Perlis, Perlis.

6. Chathay Color Foto, No. 57, Jalan Kangar, 01000 Kangar, Perlis.
7. Camay Color Foto, No. 34, Jalan Medan, 01000 Kanagr, Perlis.
8. Alison Foto Lab, No. 50, Main Road, 01000 Kangar, Perlis.
9. REX Foto Studio, No. 15, Jalan Kangar, 01000 Kangar, Perlis.
10. Public Foto, No. Jalan Kangar, 01000 Kangar, Perlis.

## 1.0 PENGENALAN

- NAMA SYARIKAT** : Kami telah memilih LENS 100 Enterprise. Pemilihan nama ini adalah berdasarkan jenis perniagaan yang kami tawarkan kepada orang ramai yang menunjukkan syarikat kami merupakan sebuah syarikat yang memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan masa kini.
- LOKASI** : Kuala Perlis, Perlis.  
Pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepada penumpuan pembangunan yang dijangkakan pesat pada masa akan datang. Ini adalah kerana perkhidmatan fotografi dan penjualan alat-alatnya belum lagi terdapat di sekitar Kuala Perlis. Bayaran sewa bulanan adalah RM 1,500 untuk satu unit dengan deposit sebanyak RM 3,000.
- JENIS PERNIAGAAN** : Kami memilih perniagaan perkongsian kerana ia lebih mudah mendapat pembiayaan secara kredit dan sumber modal yang lebih banyak. Disamping itu juga tanggungjawab pengurusan dibahagikan antara rakan kongsi dan kebolehan serta kemahiran rakan kongsi menjadi faktor utama dalam pengembangan perniagaan.
- POTENSI PERNIAGAAN** : Perniagaan jenis ini masih kurang diceburi oleh usahawan bumiputera, oleh itu kami mengambil peluang ini untuk memasuki pasaran yang memberikan masa depan yang cerah, memandangkan terdapat banyak permintaan daripada pengguna.